

# 6,274 kes ancaman siber dilaporkan suku ketiga 2017

**KUALA LUMPUR 10 Okt.** - Sebanyak 6, 274 kes ancaman siber direkodkan hasil laporan pengguna internet kepada CyberSecurity Malaysia menerusi Pusat Bantuan Cyber 999 dikendalikan oleh Pasukan Tindakan Keceemasan Komputer Malaysia (MyCERT) sepanjang Januari hingga akhir September lalu.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, kes-kes ancaman siber itu antaranya melibatkan insiden penafian perkhidmatan, penipuan, pencerobohan, kod berbahaya, spam dan gangguan siber.

Katanya, antara kategori itu, insiden penipuan mencatatkan kes tertinggi iaitu sebanyak 2889 kes diikuti dengan pencerobohan (1660 kes); kod berbahaya (634 kes) dan gangguan siber sebanyak 463 kes.

“Menurut firma penyelesaian keselamatan siber Fortinet, kira-kira setengah juta ancaman siber dilaporkan berlaku di ruang siber setiap minit.

“Serangan siber semakin hari semakin meningkat dengan kekerapan, kompleks dan kecanggihan. Ancaman ini memberi implikasi ekonomi yang serius

<b>KES ANCAMAN SIBER</b>	<b>INSIDEN</b>	<b>JUMLAH KES</b>
	Penipuan .....	<b>2,889</b>
	Pencerobohan .....	<b>1,660</b>
	Kod berbahaya .....	<b>634</b>
	Gangguan siber .....	<b>463</b>
	Spam .....	<b>276</b>
	Cubaan pencerobohan .....	<b>237</b>
	Laporan kerentanan .....	<b>42</b>
	Penafian perkhidmatan .....	<b>37</b>
	Insiden berkaitan kandungan .....	<b>36</b>

dalam kalangan pelbagai industri bukan sahaja dari segi kewangan malah menjejaskan jenama dan reputasi,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Anugerah, Persidangan dan Pameran CyberSecurity Malaysia (CSM-ACE) 2017, di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah; Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin dan Pengerusi Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia, Tan Sri Mohd. Azumi Mohamed.

CSM-ACE 2017 yang di-

anjurkan selama empat hari bermula semalam bertujuan menyediakan platform strategik untuk agensi kerajaan, pakar akademik keselamatan siber dan pakar industri untuk membincangkan mengenai cabaran keselamatan siber masa depan dan mencari penyelesaian untuk menghadapi jenayah siber.

Terdahulu dalam ucapannya, Madius berkata, isu keselamatan siber merupakan aspek penting dalam pembangunan ekonomi negara dalam menghadapi cabaran Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0).

Justeru, beliau menggesa

organisasi awam dan swasta untuk bersiap sedia dan mengadaptasi ‘Cyber Readiness’ dengan memperkukuhkan keupayaan kesedaran serta meningkatkan pertahanan siber bagi melindungi mereka daripada ancaman tersebut.

“Tanpa mencapai tahap itu (Cyber Readiness) perjalanan Malaysia untuk mara ke peringkat yang lebih tinggi akan dipenuhi dengan pelbagai halangan dan cabaran.

“Justeru, semua organisasi perlu bersedia menghadapi cabaran-cabaran baru keselamatan siber itu yang dibawa oleh ekonomi digital tersebut,” katanya.